



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 6/2016
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sepanjang bulan Ramadhan bagi tahun Hijrah 1437/2016 Masihi adalah seperti berikut:-

Hari Isnin hingga Khamis } Jam 8.00 pagi hingga
dan Hari Sabtu } 2.00 petang

2. Bagi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang bertugas pada hari Jumaat waktu bertugas adalah seperti berikut:-

Hari Jumaat } Jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi

3. Sementara pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Kementerian/Jabatan masing-masing.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Keluargaku, Harapanku"

(YAHYA BIN HAJI IDRIS)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : (6) JPM/SK/2016

Tarikh: 10 Sya'ban 1437

17 Mei 2016